



BUKU KEPERLUAN DAN PROSEDUR PENDAFTARAN KONTRAKTOR

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Pengenalan	3
Takrif	4 – 6
2.0 Terma Pendaftaran	7 – 10
3.0 Kelayakan Pendaftaran	10 – 15
4.0 Syarat-syarat umum	15 – 16
5.0 Penggantungan / Pembatalan atau Penarikan Semula Perakuan Pendaftaran	16 – 17
6.0 Tanggungjawab Kontraktor Berdaftar	17 – 18
Pendaftaran Kontraktor Tempatan	
1.0 Pemohonan Perakuan Pendaftaran Baru	19
2.0 Permohonan Pembaharuan / Pendaftaran Semula	20 – 21
3.0 Kenaikan Gred	21 – 22
4.0 Tambah Kategori / Pengkhususan	22 – 24
5.0 Kebenaran Khas Memasuki Tender / Menjalankan Kerja Melebihi Gred	24 – 26
6.0 Perubahan Butir – Butir Maklumat	26 – 31
Pendaftaran Untuk Syarikat Konsortium Atau Usahasama	
1.0 Pendaftaran Kontraktor Usahasama / Konsortium	32
2.0 Kontraktor Usahasama / Konsortium Tempatan	32 – 33
3.0 Usahasama Kontraktor Tempatan Dan Kontraktor Asing	33
Pendaftaran Kontraktor Antarabangsa	
1.0 Permohonan	34
2.0 Syarat Permohonan	34
3.0 Dokumen Sokongan	34
4.0 Fee Pendaftaran	34
5.0 Tempoh Pendaftaran	35

PERKARA	MUKA SURAT
Pendaftaran Kontraktor Asing	
1.0 Perakuan Pendaftaran Sementara	36
2.0 Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing	37
Kaedah Permohonan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	38 – 46
Syarat Permohonan Baru Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	47 – 49
Syarat-syarat Permohonan Pembaharuan (SPKK)	50 – 51
Permohonan Kenaikkan Gred (SPKK)	52 – 54
Kebenaran Khas (SPKK)	54
Perubahan Butir-butir Maklumat (SPKK)	54
Lampiran 1 – Alamat CIDB Ibu Pejabat, CIDB Negeri & Caw.	55
Lampiran 2a – Ringkasan Gred, Kategori & Pengkhususan	56
Lampiran 2b – Senarai Pengkhususan	57 – 58
Lampiran 2c – Kategori Pengkhususan Pendaftaran	59 - 70
Lampiran 2d – Keperluan Bagi Pengkhususan	71
Lampiran 3 – Kriteria Pendaftaran Kontraktor Tempatan	72
Lampiran 4 – Pengkelasan Kontraktor Elektrik	73
Lampiran 5 – Kelayakan Tempoh Pembaharuan (CCD)	74
Lampiran 6 – Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (CCD)	75 – 76
Lampiran 7 – Bayaran Fee	77
Lampiran 8 – Ekuiti Asing & Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)	78
Senarai Semak 1 – Syarikat Sendirian Berhad / Syarikat Berhad	79
Senarai Semak 2 – Firma Pemilikan Tunggal / Perkongsian Sahaja	80
Senarai Semak 3 – Koperasi & Lain-lain	81

KEPERLUAN DAN PROSEDUR PENDAFTARAN

PENGENALAN

- (a) Berkuatkuasa mulai 20 Julai 1995, adalah mandatori untuk semua kontraktor samada tempatan atau asing untuk berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) atau CIDB sebelum mengakujaji dan menyempurnakan apa-apa kerja pembinaan di Malaysia kecuali mereka yang diberi pengecualian di bawah Seksyen 40(1) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994.
- (b) Akta 520 seksyen 25.(1) "Tiada seorang pun boleh mengaku janji untuk menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga.
- (c) Akta 520 seksyen 25. (2) "Tiap-tiap perakuan pendaftaran hendaklah mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.
- (d) Akta 520 seksyen 29 "Seseorang yang mengakujaji untuk menjalankan atau menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan tanpa didaftarkan sebagai kontraktor berdaftar dengan Lembaga melakukan suatu kesalahan dibawah akta ini dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit"
- (e) Kontraktor yang memohon untuk didaftarkan dikehendaki untuk membaca terma Keperluan dan Prosedur Pendaftaran Kontraktor dengan teliti sebelum mengemukakan permohonan.

TAKRIF

- 1) **Industri Pembinaan** ertinya industri berkenaan dengan kerja-kerja pembinaan;
- 2) **Kerja-kerja Pembinaan** ertinya pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, perubahan, perombakan atau perobohan
 - (a) mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, tembok, pagar atau cerobong, sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;
 - (b) mana-mana jalan, kerja-kerja pelabuhan, landasan keretapi, laluan dan talian kabel, terusan atau padang terbang;
 - (c) apa-apa kerja saliran, pengairan atau kawalan sungai;
 - (d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau
 - (e) mana-mana jambatan, jejambat, empangan, reservoir, kerja tanah, talian paip, pembedung, akueduk, pemacu, syaf, terowong atau kerja-kerja penebusgunaan,

dan termasuklah-

- A. apa-apa kerja yang menjadi bahagian yang penting, atau adalah persediaan atau sementara bagi kerja-kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e), termasuklah pembersihan tapak, penyelidikan dan pembaikan tanah, pemindahan tanah, penggalian, meletakkan batu asas, pemulihan dan melanskap tapak; atau
 - B. pemerolehan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja, yang semestinya diperlukan bagi mana-mana kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e).
- 3) **Kontraktor**: ertinya seseorang yang menjalankan atau menyiapkan atau mengakujaji untuk menjalankan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan;
 - 4) **Kontraktor Berdaftar** bermaksud kontraktor yang memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta masih sah tempoh pendaftarannya.

- 5) **Kontraktor Tidak Berdaftar** bermaksud kontraktor yang tidak memiliki Perakuan pendaftaran Kontraktor dan/atau kontraktor yang memegang Perakuan pendaftaran Kontraktor yang telah tamat tempoh pendaftarannya.
- 6) **Kontraktor tempatan** bermaksud syarikat yang diperbadankan di Malaysia serta mempunyai pegangan ekuiti tempatan **tujuh puluh peratus** (70%) dan ke atas melainkan pegangan ekuiti tersebut dinyatakan di dalam **lampiran 8**.
- 7) **Kontraktor Asing** bermaksud syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau di luar negara serta mempunyai pegangan ekuiti rakyat asing sebanyak lebih **tiga puluh peratus** (30 %) dan ke atas melainkan pegangan ekuiti tersebut dinyatakan di dalam **lampiran 8**.
- 8) **Kontraktor Antarabangsa** adalah Kontraktor tempatan yang telah berdaftar dengan CIDB dan akan melaksanakan/telah melaksanakan kerja pembinaan di luar negara.
- 9) **Kontraktor Usahasama** adalah Syarikat usahasama yang tidak diperbadankan di Malaysia yang telah dianugerahkan sesuatu projek pembinaan. Gabungan dua syarikat atau lebih dimana salah satu syarikat tersebut telah di perbadankan di Malaysia dan berdaftar dengan CIDB.
- 10) **Pegawai pengurusan utama (PPU)** adalah terdiri daripada samada pemilik perniagaan, ahli lembaga pengarah, pengarah atau ahli lembaga koperasi atau Presiden atau Yang Di Pertua Persatuan (Warga Negara Malaysia) yang mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan sekurang-kurangnya 2 tahun dan memiliki kad pendaftaran personel binaan yang masih sah.
- 11) **Wakil pegawai pengurusan utama (WPPU):** adalah kakitangan syarikat (Warga Negara Malaysia) yang mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan sekurang-kurangnya 2 tahun dan memiliki kad pendaftaran personel binaan yang masih sah serta dicarum KWSP. WPPU perlu dilantik oleh Pengarah Syarikat.
- 12) **Kakitangan syarikat** adalah pekerja yang diambil bekerja oleh sesebuah syarikat serta dibuktikan dengan salinan Penyata Caruman KWSP / Jadual Caruman KWSP (Borang A) terkini dan resit rasmi /Jadual Caruman SOCSO terkini dengan salinan resit bayaran untuk tiga (3) bulan terkini atau jadual penyata gaji tiga bulan terkini bagi pekerja yang berumur lebih 55 tahun ke atas.

- 13) *Personel teknikal*** boleh terdiri dari mana-mana individu warga negara Malaysia samada pemilik perniagaan, ahli lembaga pengarah, pengarah atau kakitangan yang digajikan sepenuh masa dan dibayar caruman KWSP.
- 14) *Ijazah/diploma yang diiktiraf*** adalah ijazah/diploma yang berkaitan dengan bidang pembinaan samada diperolehi dalam atau luar negara serta diiktiraf oleh kerajaan Malaysia atau Lembaga Akreditasi Negara atau Lembaga profesional yang berkaitan.
- 15) *Pengalaman Kerja*** adalah tempoh pengalaman kerja diambil dari tarikh Sijil / Diploma / Ijazah diperolehi.
- 16) *Perakuan Pendaftaran Kontraktor*** (PPK) bermaksud Sijil yang dikeluarkan oleh CIDB kepada kontraktor mengikut AKTA 520 dan peraturan dibawahnya.
- 17) *Siji Perolehan Kerja Kerajaan*** (SPKK) bermaksud Sijil yang dikeluarkan oleh CIDB kepada kontraktor mengikut Pekeliling dari Kementerian Kewangan (MoF).
- 18) *Warga Negara Malaysia***: Adalah seseorang rakyat Malaysia yang memegang kad pengenalan warna biru.

Nota :-

- 1) *PPU, WPPU, Pegawai Teknikal atau Pekerja*** yang digajikan sepenuh masa tidak boleh wujud di syarikat lain yang berdaftar dengan CIDB
- 2) *Pindah Milik (PPK)***: merujuk kepada perubahan Nama Sayarikat dan No. Pendaftaran SSM/No daftar perniagaan untuk Perakuan Pendaftaran Kontraktor
- 3) *Pindah Milik (SPKK)***: merujuk kepada perubahan pemegang saham atau ekuiti seperti mana yang ditetapkan dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).

KEPERLUAN DAN PROSEDUR PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

2.0 TERMA PENDAFTARAN

2.1 Tatacara Permohonan

Semua permohonan Perakuan Pendaftaran Kontraktor boleh dibuat secara online melalui laman web rasmi CIDB (www.cidb.gov.my) atau mengemukakan borang permohonan di kaunter.

Pemohon hendaklah memastikan maklumat diisi dengan lengkap bersama-sama dengan dokumen sokongan yang telah disahkan dan penyerahan boleh dibuat melalui `upload secara online atau melalui kaunter atau melalui pos. Dokumen permohonan yang telah lengkap boleh diserahkan di mana-mana pejabat CIDB Negeri dan Cawangan yang dipilih.

Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima. CIDB juga berhak untuk meminta maklumat tambahan atau temuduga berkaitan dengan permohonan yang dikemukakan.

2.2 Skop Pendaftaran

Terdapat tiga (3) Kategori Pendaftaran iaitu:

- (i) Pembinaan Kejuruteraan Awam
- (ii) Pembinaan Bangunan dan
- (iii) Mekanikal dan Elektrikal

Terdapat tujuh (7) gred bagi setiap kategori dan pengkhususan
(rujuk lampiran 2a)

Kategori ini dikelaskan mengikut pelbagai kumpulan pengkhususan
(rujuk lampiran 2b dan 2c.)

2.3 Pengkhususan Melibatkan Akta / Peraturan lain

Pemohon yang memohon pengkhususan seperti di **lampiran 2d** perlu memenuhi keperluan seperti yang ditetapkan.

Pada amnya pemohon yang memohon pendaftaran hendaklah memenuhi mana-mana undang-undang atau peraturan bertulis yang melibatkan aktiviti yang akan dilaksanakan jika beliau didaftarkan.

Bagi kontraktor yang pendaftarannya dengan Suruhanjaya Tenaga telah tamat kecuali kontraktor menyerahkan salinan perakuan

pembaharuan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh tamat pendaftaran.

Mana-mana pengkhususan yang melibatkan akta lain dan telah tamat pendaftarannya dengan akta lain. Secara automatik pengkhususan tersebut terbatal.

2.4 Pengkhususan

Pemohon yang memohon pengkhususan selain dari **lampiran 2d** perlu mengemukakan bukti kerja bagi pengkhususan yang berkaitan atau mengemukakan sijil kecekapan pengurusan (SKP) kontraktor yang dikeluarkan oleh CIDB.

2.5 Fee Prosesan

Semua permohonan hendaklah disertakan bersama fee proses yang berkaitan. Jumlah fee yang perlu dibayar seperti di **lampiran 7**.

Pembayaran boleh juga dibuat melalui atas talian (online) atau wang pos, `bankers cheq' atau deraf bank atas nama "Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia". Pembayaran menggunakan cek syarikat atau cek peribadi tidak diterima. Semua fee yang dibayar tidak akan dikembalikan. CIDB boleh meminda amaun fee tanpa memberi sebarang notis.

Bayaran secara tunai hanya boleh dibuat di kaunter pejabat CIDB sahaja.

2.6 Penyerahan Permohonan/Dokumen Sokongan

Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa. Melalui surat wakil yang ditandatangani pengarah / pemilik syarikat.

Sekiranya CIDB memerlukan apa-apa rujukan dari pihak Bank atau Klien atau Perunding professional yang berkaitan dengan permohonan pendaftaran yang dikemukakan, pemohon hendaklah menanggung apa-apa bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Bank atau Klien atau Perunding professional ke atas CIDB berhubung dengan pertanyaan/rujukan yang dibuat.

Bagi penyerahan dokumen yang dibuat secara serahan tangan atau pos dokumen sokongan hendaklah dihantar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh permohonan dihantar secara online. Jika gagal berbuat demikian permohonan tersebut akan terbatal secara automatik. Sekiranya fee proses telah dibuat tetapi dokumen sokongan gagal

dikemukakan dalam tempoh tujuh hari bayaran proses tersebut tidak akan dikembalikan.

2.7 Pengesahan Dokumen

Semua dokumen sokongan yang dikemukakan bersama borang permohonan hendaklah disahkan oleh:-

- (i) Agensi pengeluar dokumen berkaitan, *atau*
- (ii) Orang yang diberi kuasa (Pengarah Syarikat, Pemilik Perniagaan, Setiausaha Pendaftaran Syarikat)

Pemohon hendaklah merujuk **Senarai semak 1 atau 2 atau 3** untuk menentukan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan mengikut operasi perniagaan semasa permohonan dibuat.

Pemalsuan dokumen sokongan – Pemohon yang mengemukakan dokumen sokongan palsu akan diambil tindakan oleh CIDB dan dihalang daripada berdaftar dengan CIDB.

2.8 Masa Prosesan

Permohonan yang lengkap dan teratur akan diproses dan keputusan permohonan dimaklumkan kepada pemohon selepas sepuluh (10) hari bekerja.

2.9 Keputusan Permohonan Dan Pemakluman

CIDB berhak menentukan Gred, Kategori dan Pengkhususan permohonan pendaftaran berdasarkan dokumen yang dikemukakan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon samada melalui melalui online. Keputusan permohonan pendaftaran kontraktor seperti berikut;-

2.9.1 Lulus

Pemohon diingatkan agar menyemak keputusan sebelum membuat pembayaran untuk pengeluaran Perakuan Pendaftaran. Apabila bayaran Perakuan Pendaftaran telah dibuat ianya adalah muktamad.

2.9.2 Pemberitahuan Penolakan

Sebarang rayuan hendaklah dikemukakan semula dalam tempoh 90 hari dari tarikh surat pertama penolakan dikeluarkan. Surat rayuan beserta dokumen sokongan perlu dikemukakan kepada CIDB bagi tujuan memproses semula

permohonan. Apa-apa permohonan rayuan hendaklah dihantar pada negeri yang dipohon.

3.0 Fee Pendaftaran

Fee Pendaftaran akan dimaklumkan melalui surat kelulusan permohonan dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Kelulusan permohonan akan terbatal dengan sendirinya tanpa sebarang notis sekiranya fee pendaftaran gagal dijelaskan dalam tempoh tersebut. Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan permohonan baru sekiranya ingin mendapatkan semula Perakuan Pendaftaran Kontraktor setelah permohonan tersebut terbatal.

Surat kelulusan permohonan Perakuan Pendaftaran kontraktor tidak boleh dianggap sebagai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor melainkan bayaran pendaftaran telah dijelaskan.

Pembayaran boleh dibuat melalui wang pos, deraf bank atas nama "Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia" atau CIDB Malaysia. Pembayaran dalam bentuk tunai hanya boleh dilakukan di kaunter CIDB sahaja, manakala pembayaran menggunakan cek syarikat atau cek peribadi **tidak diterima**.

Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) akan dicetak setelah fee pendaftaran dijelaskan.

3.0 KELAYAKAN PENDAFTARAN

Pemohon hendaklah mematuhi keperluan pendaftaran sebelum permohonan pendaftaran dapat dipertimbangkan seperti di bawah.

3.1 Status Dengan Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Perniagaan

3.1.1 Pendaftaran Syarikat

Pemohon hendaklah mendaftarkan operasi perniagaannya dengan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia, sebelum mereka boleh dipertimbangkan untuk berdaftar dengan CIDB. Pihak berkuasa tersebut adalah seperti dinyatakan di bawah:-

- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pendaftaran Perniagaan/Pendaftaran Syarikat).
- Pendaftar Koperasi/Persatuan
- Lesen Perdagangan – Borang 1 (negeri Sarawak)

- Lesen Perniagaan - Borang B (negeri Sabah)
- Pendaftaran Pertubuhan (Persatuan)

Aktiviti atau operasi firma/syarikat/koperasi/persatuan dan seumpamanya hendaklah melibatkan kerja-kerja pembinaan serta dinyatakan di dalam;

- Daftar Syarikat (Memorandum & Articles of Association),
- Daftar Perniagaan (Borang A),
- Undang-Undang Kecil Koperasi/Persatuan,
- Borang 1 (negeri Sarawak), atau
- Borang B (negeri Sabah)

3.2 Kelayakan Pemohon

Permohonan untuk berdaftar sebagai kontraktor binaan. PPU hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **2 tahun** pengalaman dalam bidang pembinaan

Sekiranya PPU tidak mempunyai kelayakan, beliau boleh menamakan wakil yang akan bertindak sebagai WPPU. WPPU bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa perkara bersabit dengan Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan. WPPU mestilah mempunyai pengalaman dalam industri pembinaan sekurang-kurangnya 2 tahun.

- PPU/WPPU telah memiliki Kad Pendaftaran Personel Binaan yang dikeluarkan oleh CIDB dan masih sah.

3.3 Kelayakan Kewangan

Pemohon hendaklah memiliki dan mengekalkan punca kewangan yang mencukupi sepanjang tempoh pendaftaran mereka. Had minima kewangan (Modal berbayar / modal terkumpul) yang perlu dimiliki oleh pemohon adalah seperti di **lampiran 3**.

3.3.1 Penilaian Keupayaan Kewangan

Keupayaan Kewangan pemohon akan dinilai berdasarkan kepada dokumen yang dikemukakan serta jenis syarikat.

3.3.1.1 Syarikat Sendirian Berhad/Berhad.

Keupayaan kewangan pemohon akan dinilai dari jumlah modal berbayar syarikat tersebut.

3.3.1.2 Firma Milik Tunggal/Perkongsian/Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

Keupayaan kewangan akan dinilai dari segi nilai modal bersih (net capital worth) yang dikira berdasarkan salah satu atau semua daripada berikut;

- (i) Akaun Semasa**
Penyata Akaun Semasa bank pemohon untuk tiga bulan terkini dan atau
- (ii) Simpanan Tetap**
Simpanan tetap yang tidak dicagarkan pada mana-mana bank atau institusi kewangan serta belum luput tempoh matangnya dan atau
- (iii) Kemudahan Overdraft**
Akaun kemudahan overdraf (OD) yang dinikmati oleh pemohon.
Nota: (Pemohon perlu mendapatkan pengesahan OD dari bank serta penyata 3 bulan terkini akaun OD tersebut) dan atau
- (iv) Akaun Simpanan**
Termasuklah akaun simpanan, saham ASB, sijil Simpanan Premium BSN, akaun Tabung Haji yang terkini (semua atau salah satu).

3.3.1.3 Koperasi / Persatuan

Keupayaan kewangan akan dinilai dari modal syer anggota. Dokumen rujukan adalah akaun audit terkini atau Akaun pengurusan yang disahkan.

3.4 Kelayakan Teknikal

Personel Teknikal hendaklah terdiri dari warganegara Malaysia yang memiliki pengalaman dan pengetahuan (diiktiraf oleh CIDB) melaksanakan kerja-kerja pembinaan .

Personel Teknikal hendaklah memenuhi keperluan seperti di **lampiran 3**.

Pengalaman Kerja adalah tempoh pengalaman kerja diambil dari tarikh Sijil / Diploma / Ijazah diperolehi.

Personel teknikal hendaklah tidak terikat secara profesional atau digaji oleh mana-mana pihak selain dari syarikat/firma yang

memohon.

Personel teknikal hendaklah memiliki Kad Pendaftaran Personel Binaan yang dikeluarkan oleh CIDB yang masih sah.

3.5 Syarikat/Firma yang Berdaftar Dengan Suruhanjaya Tenaga

Syarikat/firma yang ada pendaftaran dengan Suruhanjaya Tenaga akan didaftarkan seperti di dalam **Lampiran 4**

3.6 Keperluan Tambahan

Pemohon hendaklah memenuhi/mematuhi lain-lain terma dan syarat pengeluaran Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh CIDB dari masa ke semasa.

3.6.1 Kursus Integriti Untuk Kontraktor Binaan

Semua kontraktor baru yang telah berdaftar dengan CIDB diwajibkan menghadiri Kursus Integriti Untuk Kontraktor Binaan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Perakuan Pendaftaran kontraktor dikeluarkan. Prosedur ini diwajibkan keatas kontrktor yang berdaftar dari tahun 2007.

Kursus Integriti Untuk Kontraktor Binaan adalah wajib dihadiri oleh Pegawai Pengurusan Utama (PPU) seperti berikut:-

- a. Pemilik Perniagaan,**
- b. Ahli Lembaga Pengarah,**
- c. Pengarah (PPU), atau**
- d. Wakil Pegawai Pengurusan Utama (WPPU),**

Permohonan pembaharuan Perakuan Pendaftaran bagi kali pertama hendaklah disertakan dengan Sijil Kehadiran Kursus Integriti. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan permohonan pembaharuan Perakuan Pendaftaran tidak dapat dipertimbangkan.

Pemohon boleh berhubung terus dengan mana-mana pejabat CIDB Negeri atau Cawangan bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan penganjuran Kursus Integriti Untuk Kontraktor Binaan.

3.6.2 Mata CCD

Permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran kontraktor akan diluluskan berdasar kepada jumlah mata CCD yang

dapat dikumpul oleh pemohon seperti di **lampiran 5**.

Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti sijil penyertaan, sijil kehadiran, surat sokongan atau lain-lain sebagai bukti penganugerahan mata CCD seperti di **lampiran 6**.

Pemohon boleh berhubung terus dengan mana-mana pejabat CIDB Negeri atau Cawangan atau merujuk web www.cidb.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kursus-kursus yang mendapat mata CCD.

3.7 Perakuan Pendaftaran Hilang / Rosak

Pengeluaran semula Perakuan Pendaftaran hilang / rosak hendaklah disertakan salinan akuan berkanun atau Laporan Polis mengenai kehilangan/ kerosakan Perakuan Pendaftaran kontraktor asal dan bayaran sebanyak RM100.00 hendaklah dikemukakan sebelum Perakuan baru dikeluarkan sebagai menggantikan Perakuan Pendaftaran kontraktor yang hilang / rosak.

3.8 Salinan Pendua Perakuan Pendaftaran

Kontraktor yang memerlukan salinan Pendua Perakuan Pendaftaran perlu mengemukakan surat permohonan daripada syarikat kepada CIDB beserta dengan bayaran sebanyak RM20.00 sesalinan.

3.9 Status Pengkelasan Pendaftaran Kontraktor

Pengkelasan Perakuan Pendaftaran kontraktor adalah seperti berikut:

- a. Aktif :Kontraktor tempatan yang di award projek dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.
- b. Separa Aktif :Kontraktor yang tidak dianugerahkan sebarang projek sepanjang tempoh tiga (3) tahun terkini tetapi aktif dalam menyertai tender.
- c. Dorman :Kontraktor yang tidak dianugerah sebarang projek serta tidak menyertai sebarang tender sepanjang tiga (3) tahun terkini.
- d. Baru :Kontraktor yang baru berdaftar.

Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan maklumat projek yang dilaksanakan sepanjang tempoh tiga (3) tahun terkini pendaftaran sebelumnya untuk penetapan status/kelas.

Perubahan pengkelasan Perakuan Pendaftaran boleh dilakukan pada bila-bila masa dengan syarat pihak kontraktor mengisi borang perubahan maklumat (R6) dan dapat mengemukakan bukti kerja/tender (yang telah disahkan) dan membawa bersama Perakuan Pendaftaran asal CIDB di mana-mana pejabat CIDB Negeri/Cawangan. Setiap perubahan/penggantian **Perakuan Pendaftaran akan dikenakan bayaran proses dan bayaran sijil seperti di Lampiran 7.**

3.10 Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor

Permohonan untuk membatalkan Perakuan Pendaftaran kontraktor hanya boleh dipohon oleh pemilik / ahli lembaga pengarah syarikat kontraktor. Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan daripada syarikat kepada CIDB. Bagi syarikat yang mempunyai lebih dari seorang pemilik Perakuan Pendaftaran, kebenaran bertulis dari semua pemilik adalah diperlukan.

Perakuan Pendaftaran yang masih belum tamat tempoh sah laku perlu dikembalikan kepada CIDB.

Syarikat yang membatalkan Perakuan Pendaftaran tidak boleh mengaktifkan semula (mendapatkan Perakuan Pendaftaran) dalam tempoh **dua belas (12)** bulan dari tarikh pembatalan dilakukan.

4. SYARAT-SYARAT UMUM

- a. Perakuan Pendaftaran Kontraktor adalah hak CIDB. Pihak CIDB boleh membatalkan, menarik balik atau menggantung Perakuan Pendaftaran kontraktor yang dikeluarkan. Pemegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor hendaklah memulangkan Perakuan Pendaftaran tersebut apabila diarah untuk berbuat demikian.
- b. Pemegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat pendaftaran kontraktor, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya serta undang-undang bertulis yang lain pada sepanjang tempoh sah Perakuan Pendaftaran kontraktor.
- c. Semua kontraktor dikehendaki untuk mematuhi arahan/pekeliling yang dikeluarkan oleh CIDB dari masa ke semasa samada dalam

bentuk media cetak atau media elektronik. Mana-mana arahan/pekeliling yang diedar melalui pos, hebahan akhbar, laman web, media atau apa-apa kaedah yang difikirkan wajar akan disifatkan telah diterima oleh pihak kontraktor.

- d. **Semua maklumat/dokumen yang dikemukakan kepada CIDB adalah menjadi milik CIDB. CIDB mempunyai hak untuk mengguna dan menzahirkan maklumat-maklumat tersebut dalam apa jua bentuk terbitan untuk kegunaan dan kepentingan industri pembinaan.**

5. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN ATAU PENARIKAN SEMULA PERAKUAN PENDAFTARAN

- (a) CIDB boleh atas daya usahanya sendiri atau berdasarkan aduan yang telah ditentusahkan daripada mana-mana pihak, menggantung atau membatalkan atau menarik semula Perakuan Pendaftaran mana-mana kontraktor yang telah melakukan apa-apa kesalahan seperti yang tersenarai di perenggan (b) di bawah.
- (b) Mana-mana sebab di bawah ini boleh menyebabkan Perakuan Pendaftaran Kontraktor digantung, atau ditarik balik:
- (i) Pemegang Perakuan telah dihukum sebagai bankrap; atau
 - (ii) Petisyen pengguguran berhubung dengan kontraktor telah diserahkan; atau
 - (iii) Pemegang Perakuan gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau peraturan-peraturan pendaftaran; atau
 - (iv) Pemegang Perakuan telah memperoleh Perakuan dengan membuat perakuan atau pernyataan palsu secara bertulis atau sebaliknya; atau
 - (v) Pemegang Perakuan meninggalkan kerja pembinaan yang sedang dijalankan; atau
 - (vi) Pemegang Perakuan didapati bersalah oleh mahkamah atau mana-mana badan penyiasat yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kerana cuai dalam pelaksanaan kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan; atau
 - (vii) Pemegang Perakuan telah melanggar atau gagal mematuhi; atau telah membantu pelanggaran mana-mana terma, syarat-syarat atau batasan yang dikenakan oleh CIDB.

- (c) Pendaftaran mana-mana kontraktor akan terbatal secara automatik :-
 - Apabila pendaftarannya dengan Pendaftar Perniagaan telah tamat, atau berubah.
- (d) Tindakan pembatalan, pengantungan atau menarik balik Perakuan Pendaftaran mana-mana kontraktor :-

Mengikut Peraturan 15, Peraturan-peraturan Pendaftaran Kontraktor (Industri Pembinaan) 1995.

kecuali bagi kes-kes yang dinyatakan dalam (c) di atas.
- (e) Kontraktor yang pendaftarannya telah dibatalkan, digantung atau ditarik balik tidak dibenarkan untuk menyertai mana-mana tender baru atau meneruskan mana-mana kerja pembinaan.
- (f) Pihak CIDB boleh dalam keadaan tertentu membenarkan kontraktor yang Perakuan Pendaftarannya telah dibatalkan untuk menyiapkan kerja semasanya.

6. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR BERDAFTAR

6.1 Syarat-Syarat Pendaftaran

6.1.1 Syarat Am

- (a) Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan tidak boleh dipindah milik.
- (b) CIDB mempunyai hak mengkaji semula gred pendaftaran kontraktor dari masa ke semasa

6.1.2 Tanggungjawab dan Obligasi Kontraktor

- (a) Kontraktor hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 ("AKTA"), peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya dan apa-apa terma, syarat-syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga dari masa ke semasa.
- (b) Kontraktor tidak boleh menyertai mana-mana tender atau melaksanakan apa-apa kerja pembinaan selepas

habis tempoh Perakuan ini dan sehingga ianya diperbaharui.

- (c) Kontraktor tidak boleh mengakujaji untuk membina apa-apa projek pembinaan yang melebihi nilai kerja pembinaan yang dinyatakan di bawah gred pendaftarannya dan tidak boleh melaksanakan apa-apa projek pembinaan di luar kategori pendaftarannya.
- (d) Kontraktor hendaklah mengemukakan maklumat mengenai apa-apa kerja pembinaan atau kontrak dalam tempoh satu bulan selepas diaward.
- (e) Kontraktor hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Lembaga dari masa ke semasa.
- (f) Kontraktor hendaklah mempamerkan Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Lembaga atau salinan Perakuan Pendaftaran yang diperakui oleh Lembaga di tempat perniagaannya.
- (g) Kontraktor hendaklah mempamerkan nombor pendaftaran atas papan tanda di setiap tapak pembinaannya.
- (h) Kontraktor hendaklah memohon untuk memperbaharui pendaftaran dalam tempoh enam puluh hari sebelum tarikh tamat tempoh yang dinyatakan dalam Perakuan itu. Permohonan yang diterima oleh Lembaga kurang dari 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh Perakuan Pendaftaran akan dikenakan denda sebanyak RM200.00 kerana lewat memperbaharui Perakuan Pendaftaran.
- (i) Kontraktor hendaklah mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Buku Kod Etika Kontraktor CIDB.
- (j) Kontraktor hendaklah melantik perkerja binaan mahir dan penyelia tapak yang diakreditasi dan diperakui oleh Lembaga.
- (k) Semua pekerja ditapak bina hendaklah mempunyai Kad Personel Binaan yang masih sah.

PENDAFTARAN UNTUK PEMOHON TEMPATAN ATAU PEMOHON YANG DIPERBADANKAN DI MALAYSIA

1.0 PERMOHONAN PERAKUAN PENDAFTARAN BARU

1.1. Permohonan

Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa.

1.1.1 Syarat-Syarat Permohonan

- a. Membuat permohonan baru (R1) secara online atau kaunter
- b. Membayar Fee proses sebanyak RM50.00.
- c. Pemohon telah berdaftar dengan pihak berkuasa pendaftaran syarikat atau yang berkaitan mengenai operasi perniagaannya.
- d. Pemohon hendaklah mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi serta mengekalkan punca kewangan tersebut di sepanjang tempoh pendaftarannya (**rujuk lampiran 3**).
- e. Pemohon hendaklah mempunyai atau menggaji pegawai teknikal yang berkelayakan dan mencukupi serta mengekalkan pegawai tersebut sepanjang tempoh pendaftarannya. (**rujuk lampiran 3**).
- f. PPU atau wakil PPU mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan sekurang-kurangnya dua (2) tahun.

1.1.2 Fee Pendaftaran

Fee pendaftaran hendaklah dijelaskan kepada CIDB setelah permohonan diluluskan, sila rujuk **lampiran 7**

1.2 Tempoh Pendaftaran

Semua pendaftaran baru akan diberi kelulusan bersyarat untuk tempoh **satu (1) tahun** sahaja. Kontraktor dikehendaki untuk menghadiri Kursus Integriti Untuk Kontraktor Binaan yang dianjurkan oleh CIDB dalam tempoh tersebut serta perlu memenuhi syarat mata CCD minimum seperti di **lampiran 5** dalam tempoh kelulusan tersebut.

Perakuan Pendaftaran tidak akan diperbaharui jika kontraktor gagal mematuhi syarat-syarat di atas.

2.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN / PENDAFTARAN SEMULA PERAKUAN PENDAFTARAN

2.1. Permohonan

Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa.

2.1.1 Syarat-Syarat Permohonan Pembaharuan (Pendaftaran yang belum tamat)

- a. Membuat permohonan pembaharuan secara online atau di kaunter
- b. Fee Proses sebanyak RM30.00
- c. Mematuhi syarat-syarat dan keperluan pendaftaran seperti permohonan baru
- d. Mengikuti kursus Integriti untuk kontraktor pembinaan
- e. Mengumpul jumlah mata CCD yang ditetapkan
- f. Permohonan hendaklah dikemukakan seawal-awalnya **enam puluh (60) hari sebelum luput** tempoh Perakuan Pendaftaran.
- g. Permohonan lengkap yang dibuat **kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada tarikh luput** pendaftaran kontraktor akan dikenakan denda lewat sebanyak RM200.00
- h. Mana-mana permohonan lengkap yang diterima selepas tarikh tamat pendaftaran akan dikira sebagai pendaftaran semula.
- i. Bebas daripada tindakan tatatertib

2.1.2 Syarat-Syarat Permohonan Pendaftaran Semula (Pendaftaran yang sudah tamat)

- a. Membuat permohonan pembaharuan secara online/ di kaunter
- b. Fee Proses sebanyak RM50.00
- c. Mematuhi syarat-syarat dan keperluan pendaftaran seperti permohonan baru
- d. Telah mengikuti kursus Integriti untuk kontraktor pembinaan
- e. Mengumpul jumlah mata CCD yang ditetapkan
- f. Bebas daripada tindakan tatatertib

CIDB berhak untuk membuat penilaian semula gred pendaftaran kontraktor yang sedia ada. Penilaian boleh dibuat berdasarkan maklumat yang dikemukakan bersama borang permohonan.

2.1.3 Dokumen Sokongan

Rujuk lampiran jadual 1 atau 2 atau 3

2.1.4 Fee Pendaftaran

Fee pendaftaran hendaklah dijelaskan kepada CIDB setelah permohonan diluluskan (**rujuk lampiran 7**)

2.1.5 Tempoh Pendaftaran

Tempoh Perakuan Pendaftaran akan ditentukan berdasarkan mata CCD minimum mengikut gred seperti di **lampiran 5**

3.0 KENAIKAN GRED

3.1 Permohonan

Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa.

3.2 Butir-Butir Permohonan

Pemohon hendaklah menyatakan gred yang dipohon di dalam borang permohonan mereka (**rujuk lampiran 3**)

3.3 Syarat-Syarat Permohonan Kenaikkan Gred

- (i) Melengkapkan Borang CIDB SSPK (1RoC)/2012
- (ii) Fee proses sebanyak RM30.00
- (iii) Memenuhi keperluan kewangan untuk gred yang dipohon (**rujuk Lampiran 3**).
- (iii) Memenuhi keperluan dan kriteria personel teknikal bagi gred yang dipohon (**rujuk lampiran 3**).
- (iv) Bebas daripada tindakan tatatertib

3.4 Dokumen-dokumen Sokongan

Dokumen-dokumen yang perlu disertakan **rujuk senarai semak 1 atau 2 atau 3**.

3.5 Fee Pendaftaran Kenaikan Gred

Fee dikenakan adalah mengikut perbezaan antara fee gred baru dan fee gred sebelumnya.

3.6 Perakuan Pendaftaran

- a) Perakuan Pendaftaran yang baru akan dikeluarkan setelah fee kenaikan gred dijelaskan.
- b) Tempoh sah laku Perakuan Pendaftaran adalah seperti tempoh sediaada (untuk permohonan kenaikan gred sahaja).

Nota: Sekiranya tempoh sah laku Perakuan sediaada masih belum luput, Perakuan Pendaftaran asal hendaklah dipulangkan semula semasa membuat pembayaran yuran pendaftaran.

- c) Tempoh sah laku Perakuan Pendaftaran adalah mengikut tempoh yang diluluskan (untuk permohonan kenaikan bersama pembaharuan).

4.0 TAMBAH KATEGORI/PENGGHUSUSAN

4.1 Permohonan

Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa.

4.2 Butir-Butir Permohonan

Pemohon hendaklah menyatakan kategori dan pengkhususan yang dipohon di dalam borang permohonan mereka (**rujuk lampiran 2a, 2b dan 2c**).

4.3 Syarat-Syarat Tambah Kategori/Pengkhususan

- (i) Melengkapkan Borang CIDB SSPK (1RoC)/2012
- (ii) Fee proses sebanyak RM30.00.
- (v) Tempoh sah pendaftaran tidak kurang dari 6 bulan.
- (vi) Bebas daripada tindakan tatatertib
- (vii) Lain-lain syarat khusus bagi:

a. Tambahan Kategori

Tambahan kategori boleh dipohon sekiranya kontraktor dapat membuktikan bahawa:-

- i- Orang Teknikal yang berkelayakan dalam kategori tersebut
- ii- Bukti Kerja
- iii- Pendaftaran dengan Agensi lain
- iv- Orang Kompeten

v- Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP)

b. Tambahan Pengkhususan

Tambahan pengkhususan hanya boleh dipohon sekiranya kontraktor dapat membuktikan bahawa:-

- i) Beliau telah melaksanakan kerja dalam pengkhususan yang dipohon.
atau
- ii) Mempunyai Orang Kompeten berkaitan dalam bidang tersebut (**rujuk lampiran 2 d**).
atau
- iii) Pendaftaran dengan mana-mana agensi pendaftar di bawah Akta Parlimen (**rujuk lampiran 2 d**).
- v) Mempunyai Sijil Kecekapan Pengurusan di dalam bidang yang dipohon

4.3 Dokumen-Dokumen Sokongan

Dokumen-dokumen yang perlu disertakan semasa membuat permohonan.

(a) Tambah Kategori & Pengkhususan

- (i) Maklumat personel teknikal sama seperti permohonan pembaharuan
- (ii) Bukti kerja atau surat tawaran kerja atau surat siap kerja bagi setiap pengkhususan yang dipohon (**rujuk lampiran 2c**)
- iii) Sijil Kecekapan Pengurusan bagi pengkhususan yang dipohon (**rujuk lampiran 2C**) sila rujuk senarai semak 1 atau 2 atau 3 bagi menentukan dokumen yang perlu dikemukakan.

4.4 Fee Pendaftaran Bagi Tambah Kategori/Pengkhususan

Fee yang dikenakan bagi tambahan kategori/pengkhususan adalah seperti berikut :

(a) Permohonan Dalam Tempoh Berkuatkuasa Pendaftaran

Fee dikenakan sebanyak RM100.00 bagi pengeluaran perakuan yang baru.

(b) Permohonan Serentak Tambah Kategori/Pengkhususan dan Pembaharuan Pendaftaran

Fee dikenakan adalah fee pembaharuan sahaja.

4.5 Perakuan Pendaftaran

- a. Perakuan Pendaftaran yang baru akan dikeluarkan setelah fee dijelaskan.
- b. Tempoh sah laku Perakuan Pendaftaran adalah seperti tempoh sediada.

5.0 KEBENARAN KHAS MEMASUKI TENDER / MENJALANKAN KERJA MELEBIHI GRED

5.1 Jenis-Jenis Permohonan Kebenaran Khas

Terdapat 2 jenis permohonan bagi kebenaran khas dan setiap jenis mempunyai beberapa kategori seperti berikut :-

(i) Kebenaran Khas Menyertai Tender:-

- (a) melebihi gred berdaftar
- (b) di luar pengkhususan

(ii) Kebenaran Khas Menjalankan Kerja:-

- (a) melebihi gred berdaftar

5.2 Syarat-Syarat Am Permohonan

- a. Memiliki Perakuan Pendaftaran yang masih sah.atau
- b. Memiliki Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah.
- c. Bebas daripada tindakan tatatertib

5.3 Syarat-Syarat Permohonan Bagi Mendapatkan Kebenaran Khas

5.3.1 Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Melebihi Gred Berdaftar.

5.3.1.1 Kelayakan Pemohon

- i. permohonan hanya dibenarkan untuk satu gred lebih tinggi sahaja.
- ii. memenuhi kedudukan kewangan setaraf dengan gred yang dipohon.
- iii. Memenuhi syarat teknikal/pengalaman dalam gred yang dipohon
- iv. Mempunyai pengkhususan atau pengalaman dalam pengkhususan yang disyaratkan.

5.3.1.2 Keperluan Permohonan

- a melengkapkan borang R6
- b Fee proses RM30.00
- c Salinan iklan tender/surat tawaran menyertai tender.

5.3.2 Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan.

5.3.2.1 Kelayakan Pemohon

- a. Mempunyai pengalaman dalam pengkhususan yang dipohon (resume teknikal jika ada)
- b. dibenarkan selagi ia tidak melebihi gred berdaftar.
- c. tiada had bilangannya (bilangan permohonan)

5.3.2.2 Syarat Pemohonan

- a melengkapkan borang R6
- b Fee proses RM30.00
- c Salinan iklan tender/surat tawaran menyertai tender.

5.3.3 Permohonan Kebenaran Khas Menjalankan Kerja Melebihi Gred Berdaftar

5.3.3.1 Kelayakan Pemohon

- a. mempunyai kedudukan kewangan setaraf dengan gred yang dipohon
- b. memenuhi kriteria personel teknikal setaraf gred yang dipohon
- c. telah dilantik untuk melaksanakan kerja melebihi gred berdaftar

5.3.3.2 Keperluan Permohonan

- a. melengkapkan borang R6
- b. Fee proses RM30.00
- c. Salinan surat tawaran kerja.

Kebenaran khas menjalankan kerja pembinaan melebihi gred hanya diberi sekali sahaja dalam tempoh pendaftaran bagi sesuatu gred.

5.4 Permohonan kebenaran khas di luar pengkhususan yang tidak boleh dipertimbangkan.

Permohonan kebenaran khas bagi pengkhususan seperti di dalam **lampiran 2d** tidak akan dipertimbangkan jika kontraktor belum memenuhi syarat yang telah ditetapkan terlebih dahulu (berdaftar dengan Jabatan/Agensi terbabit/mempunyai personel yang disyaratkan dan telah mempunyai pengkhususan tersebut)

5.5 Kebenaran khas di luar kategori.

Permohonan kebenaran khas di luar kategori **tidak dibenarkan**. Pemohon perlu mendapatkan kategori tersebut terlebih dahulu. ((contoh, pada masa ini ada kategori Binaan Bangunan (B) sahaja dan ingin memohon kategori pembinaan kejuruteraan awam (CE)).

6.0 PERUBAHAN BUTIR-BUTIR MAKLUMAT

Semua kontraktor dikehendaki untuk memaklumkan kepada CIDB dari masa ke semasa apa-apa perubahan butir-butir maklumat mengenai syarikat mereka dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku.

Perubahan butir-butir hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan.

6.1 Perubahan Butir-Butir Perniagaan

6.1.1 Pertukaran Status Daripada Firma Milik Tunggal (ROB) Kepada Perkongsian (ROB). (No. SSM bertukar)

Pemohon perlu:-

- a) Mengemukakan permohonan pendaftaran baru **(rujuk bab pendaftaran baru)**.
- b) Mengemukakan surat pemakluman mengenai pertukaran status serta memohon pembatalan pendaftaran kontraktor bagi firma (ROB) dengan CIDB, sekiranya personel dan pengalaman lepas ingin dipindahkan kepada syarikat baru.

6.1.2 Pertukaran Nama Syarikat

Pemohon perlu:-

- a) Mengemukakan permohonan pendaftaran baru (**rujuk bab pendaftaran baru**)
- b) Mengemukakan surat pemakluman mengenai pertukaran status serta memohon pembatalan pendaftaran kontraktor bagi syarikat (ROB) dengan CIDB, sekiranya ingin mengekalkan personel dan pengalaman lepas kepada syarikat baru.

6.1.3 Pertukaran Perniagaan Milik Tunggal/Perkongsian Kepada Syarikat Sendirian Berhad.

Pemohon perlu:-

- a) Mengemukakan permohonan pendaftaran baru (**rujuk bab pendaftaran baru**)
- b) Mengemukakan surat pemakluman mengenai pertukaran status serta memohon pembatalan pendaftaran kontraktor bagi firma (ROB) dengan CIDB, sekiranya personel dan pengalaman lepas ingin dipindahkan kepada syarikat baru (ROC).

6.1.4 Rakan Kongsi Meninggal Dunia/Menarik Diri

1. Bagi operasi perniagaan yang dijalankan secara perkongsian, apabila berlaku salah seorang rakan kongsi meninggal dunia atau menarik diri dari perkongsian Status Pendaftaran Syarikat tersebut dengan CIDB tidak perlu dibatalkan. Keputusan dibuat dengan mengambilkira status pendaftaran syarikat tersebut dengan SSM, di mana pihak SSM akan membenarkan baki pekongsi samada untuk;
 - i. Meneruskan perniagaan tersebut dan perlu dimaklumkan kepada SSM dan pendaftaran adalah sah,
 - ii. Menamatkan pendaftaran tersebut dan perlu dimaklumkan kepada SSM.
2. Syarikat Sedia Ada perlu memaklumkan kepada CIDB bagi perkara berikut untuk menentukan samada PPK atau SPKK atau STB layak kekal.

- a) Perubahan Maklumat dengan membawa bukti daripada SSM (Cetakan perubahan maklumat) bahawa rakan kongsi telah keluar dan rakan kongsi baru telah didaftarkan (jika ada)
 - b) Bukti perjanjian pemilikan saham yang baru dimana rakan baru jika ada mesti pegang saham kurang dari 49% daripada pemilik asal.
 - c) Jika rakan kongsi baru menjadi majority dalam perjanjian pemilikan saham maka SPKK akan terbatal (jika ada) dan STB juga terbatal (jika ada).
 - d) Pemilik asal dalam syarikat yang tinggal dan telah menjadi pemegang saham sekurang-kurangnya 2 tahun. Jika tidak SPKK / STB terbatal.
 - e) Jika rakan kongsi meninggal dunia, untuk meneruskan pendaftaran sedia ada pemilik yang tinggal mesti berpengalaman dalam bidang pembinaan sekurang-kurangnya dua tahun dan memiliki kad pendaftaran personel binaan. Jika tiada, mereka perlu melantik wakil PPU yang berpengalaman dua tahun dalam bidang pembinaan.
3. Sekiranya rakan kongsi yang keluar dari syarikat asal dan telah menubuhkan syarikat baru dan ingin berdaftar dengan CIDB, pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dari syarikat terdahulu serta perlu memenuhi syarat pendaftaran yang lain boleh diambilkira bagi pengeluaran PPK (Perakuan Pendaftaran Kontraktor). Jika pemohon juga memohon SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) bagi grad G2 ke atas perlu mematuhi syarat baru pengeluaran SPKK iaitu SCORE dan ISO 9001:2008.

6.1.5 Perubahan Rakan Kongsi

Kontraktor perlu:-

- (a) Melengkapkan Borang R6 berserta fee proses RM30.00
- (b) Mengemukakan borang B iaitu dokumen perubahan butir (yang diakui sah) daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- (c) Mengemukakan salinan perjanjian kongsi diantara rakan kongsi yang dimeteri setem dan disahkan. Perjanjian tersebut mestilah menyatakan peratus saham yang dipegang antara rakan kongsi.

6.2 Perubahan Butir-Butir Syarikat

6.2.1 Perubahan Nama Syarikat

Kontraktor perlu:-

- a) Melengkapkan borang R6 dengan fee proses RM30.00
- b) Membayar fee mencetak semula Perakuan Pendaftaran bernilai RM100.00
- c) Mengemukakan borang 13 - Perakuan Pemerbadanan Atas Pertukaran Nama Syarikat
- d) Mengemukakan bersama Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan yang asal

6.2.2 Perubahan Alamat Berdaftar Syarikat

Kontraktor perlu:-

- a) Melengkapkan borang R6 berserta fee proses RM30.00
- b) Membayar fee mencetak semula Perakuan Pendaftaran bernilai RM100.00
- c) Mengemukakan borang 44 - Notis Pemberitahuan Alamat Berdaftar Dan Waktu Pejabat Dan Butir-Butir Perubahan.
- d) Mengemukakan borang D (bagi sykt persaorangan, atau perkongsian) terkini
- e) Mengemukakan bersama Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan yang asal

6.2.3 Perubahan - Butiran Pengarah

Kontraktor perlu:-

- (a) Melengkapkan borang R6 berserta fee proses RM30.00
- (b) Mengemukakan borang 49 - 'Return Giving Particulars In Register Of Directors, Managers And Secretaries And Changes Of Particulars' bersabit dengan perubahan.

6.2.4 Perubahan Butiran Struktur Ekuiti/Pemegang Saham

Kontraktor perlu:-

- (a) Melengkapkan borang R6/ berserta fee proses RM30.00.

- (b) Mengemukakan borang 32A - 'Pindah Milik Saham / Debentur' bersabit dengan perubahan.

6.2.5 Perubahan Modal Berbayar Syarikat

Kontraktor perlu:-

- (a) Melengkapkan borang R6/ berserta fee proses RM30.00.
- (b) Mengemukakan borang 24 - 'Return Of Allotment Of Shares' bersabit dengan perubahan.

6.2.6 Penggulangan Syarikat

Kontraktor perlu:-

- a) Melengkapkan borang R6 beserta fee proses RM30.00
- b) Mengemukakan surat daripada pengarah syarikat.
- c) Mengemukakan bersama Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan yang asal untuk tujuan pembatalan.
- d) Notis Berkanun Pengisytiharan Penggulangan Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

6.3 Perubahan Teknikal Baru /Berhenti/ Penama/daripada syarikat

Kontraktor perlu:-

- a) Melengkapkan borang R6 beserta fee proses RM30.00
- b) Mengemukakan nama personel teknikal yang baru atau berhenti dari syarikat.
- c) Menyertakan bersama Penyata EPF syarikat dan resit bayaran bagi staf yang baru.

6.4 Perubahan Bagi Kontraktor Usahasama atau Kontraktor Asing (Perubahan melibatkan tarikh mula atau siap kerja, Nilai kontrak dan sebagainya)

Kontraktor perlu:-

- a) Melengkapkan borang R6 beserta fee proses RM30.00
- b) Mengembalikan Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang asal
- c) Membayar Fee pendaftaran sebanyak RM100.00
- d) Mengemukakan dokumen sokongan daripada 'klien' yang mengesahkan perubahan tersebut.

6.5 Perubahan Alamat surat menyurat / No. Telefon dan No. Fax

Kontraktor hanya perlu memaklumkan kepada CIDB dengan mengemukakan surat pemberitahuan pertukaran alamat perhubungan tersebut dan tiada fee dikenakan bagi tujuan ini.

PENDAFTARAN UNTUK SYARIKAT KONSORTIUM ATAU USAHASAMA

Syarikat-syarikat kontraktor usahasama/konsortium yang telah dilantik untuk melaksanakan sesuatu projek pembinaan perlu berdaftar dengan CIDB. Pendaftaran ini adalah atas dasar projek dan ianya sah hanya untuk kontraktor ini melaksanakan projek seperti yang tertera di dalam Perakuan Pendaftaran tersebut sahaja.

1.0 Pendaftaran Kontraktor Usahasama/Konsortium.

Secara amnya, terdapat dua (2) jenis pendaftaran kontraktor usahasama /konsortium dengan CIDB iaitu:-

- (i) Kontraktor usahasama / konsortium Tempatan
- (ii) Kontraktor usahasama / konsortium Kontraktor Asing

Jenis pendaftaran adalah ditentukan melalui analisa dokumen perjanjian usahasama/konsortium tersebut.

2.0 Kontraktor Usahasama/Konsortium Tempatan

Pendaftaran ini melibatkan usahasama/konsortium yang mempunyai perjanjian untuk menyiapkan sesuatu projek dimana kontraktor tempatan mempunyai equiti 100% ataupun sekurang-kurangnya 70% dari keseluruhan projek.

2.1 Kriteria Pendaftaran

Kontraktor Usahasama/konsortium perlulah memenuhi kriteria seperti berikut:-

- (i) **Projek**
Mempunyai surat lantikan/surat setuju-terima untuk melaksanakan satu-satu projek
- (ii) **Pendaftaran Sebagai Kontraktor (Setiap Rakan Kongsi)**
Mempunyai sekurang-kurangnya satu rakan usahasama/konsortium yang mempunyai Perakuan Pendaftaran yang masih sah.
- (iii) **Gred Berdaftar**
Sekurang-kurangnya salah seorang dari rakan kongsi adalah terdiri dari kontraktor yang berdaftar di bawah gred yang sama dengan nilai projek yang akan dilaksanakan.

2.2. Syarat Permohonan

Syarat permohonan pendaftaran usahasama/konsortium tempatan adalah seperti berikut:-

- i. Melengkapkan borang CIDB SSPK (1RoC)/2012
- ii. Membayar fee proses RM 50.00
- ii. Mengemukakan dokumen perjanjian usahasama/konsortium (MOU)
- iii. Mengemukakan surat tawaran kerja rasmi yang lengkap
- iv. Menyertakan bersama salinan Perakuan Pendaftaran sebagai kontraktor bagi rakan kongsi yang terlibat dengan kerja-kerja pembinaan di tapak.
- v menyertakan borang L1/95

2.3. Fee Pendaftaran

Fee pendaftaran hendaklah dijelaskan kepada CIDB setelah permohonan diluluskan, **rujuk lampiran 7.**

3.0 Usahasama Kontraktor Tempatan dan Kontraktor Asing

Pendaftaran ini melibatkan usahasama di antara kontraktor tempatan dan kontraktor asing yang mempunyai perjanjian dimana kontraktor asing membuat kerja melebihi 30% dari keseluruhan projek usahasama tersebut. Pendaftarannya adalah sama seperti pendaftaran kontraktor asing. (**rujuk pendaftaran kontraktor asing**)

PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR ANTARABANGSA

1.0 Permohonan

Firma atau syarikat tempatan atau syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau firma atau syarikat sedia ada yang terlibat dalam aktiviti pembinaan boleh memohon pendaftaran dengan menggunakan Borang CIDB SSPK (1RoC)/2012 beserta fee proses sebanyak RM30.00

2.0 Syarat Permohonan

2.1 Pendaftaran Syarikat

- a. Pemohon hendaklah berdaftar dengan pihak berkuasa pendaftaran syarikat atau yang berkaitan mengenai operasi perniagaannya sebelum permohonan mereka layak dipertimbangkan oleh CIDB.
- b. Pemohon hendaklah berdaftar dengan CIDB bagi tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun.

2.2 Kemampuan dan Keupayaan Syarikat

- a. Telah menunjukkan bukti bahawa telah menyiapkan sekurang-kurang satu projek samada di dalam atau di luar negara dalam bidang yang berkaitan.
- b. Mempunyai persijilan ISO 9001: 2008.
- c. Status Pengkelasan adalah aktif

3.0 Dokumen Sokongan

- a. Salinan Perakuan Pendaftaran CIDB
- b. Form of Annual Return of A Company Having Share Capital.
- c. Salinan Sijil ISO 9001:2008
- d. Surat tawaran atau apa-apa surat kontrak untuk kerja pembinaan yang telah siap dilaksanakan samada di dalam Negara atau di luar Negara.
- e. Addendum (permohonan antarabangsa)

4.0 Fee Pendaftaran

Apabila diluluskan dan dimaklumkan oleh CIDB, permohonan yang berjaya hendaklah membayar fee pendaftaran berjumlah RM100.00 dan membawa bersama Perakuan Pendaftaran asal sebelum Perakuan Pendaftaran yang baru dikeluarkan.

5.0 Tempoh Pendaftaran

Perakuan Pendaftaran adalah sah sama dengan tempoh Perakuan Pendaftaran tempatan sedia ada kecuali dibatal, digantung atau ditarik balik terdahulu oleh CIDB.

PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR ASING

1.0 Perakuan Pendaftaran Sementara

Semua kontraktor asing tidak dibenarkan menyertai apa-apa tender samada atas pelawaan pelanggan atau melalui iklan tanpa memperolehi Perakuan Pendaftaran sementara dari CIDB.

Perakuan Pendaftaran sementara hanya dikeluarkan kepada kontraktor asing bagi tender yang akan disertai sahaja

1.1 Syarat Permohonan

Syarat-syarat permohonan untuk mendapatkan pendaftaran sementara untuk kontraktor asing adalah seperti berikut:

- a. Melengkapkan borang R2/95
- b. Fee proses RM50.00
- c. Iklan tender./surat jemputan daripada 'klien'
- d. Maklumat pengalaman syarikat
- e. Maklumat kewangan syarikat
- f. Maklumat personel syarikat

1.2 Syarat Perakuan Pendaftaran Sementara

Perakuan Pendaftaran sementara adalah kebenaran untuk menyertai tender bagi projek yang dinyatakan di dalam Perakuan Pendaftaran sementara sahaja.

Tempoh sah Perakuan Pendaftaran Sementara adalah sehingga tarikh tutup atau tarikh tutup lanjutan bagi tender tertentu sahaja.

Perakuan ini tidak boleh digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Jika kontraktor Asing berjaya dalam tawaran tendernya, dia hendaklah memohon untuk mendapatkan suatu Perakuan pendaftaran sebagai kontraktor berdaftar sebelum memulakan apa-apa kerja dan mestilah mendaftar dengan Pendaftaran Syarikat di bawah Pecahan 2 bahagian XI Akta Syarikat 1965.

1.3 Fee Perakuan Pendaftaran Sementara

Fee Perakuan Pendaftaran sementara adalah mengikut fee pendaftaran kontraktor asing (**Lampiran 7**). Fee pendaftaran hendaklah dijelaskan kepada CIDB seperti ditetapkan di dalam surat kelulusan permohonan. Fee tersebut hendaklah dijelaskan sebelum Perakuan sementara dikeluarkan.

2.0 Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing

Semua kontraktor asing tidak dibenarkan menjalankan atau mengakukan untuk menjalankan apa-apa kerja pembinaan tanpa memperolehi Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing.

2.1 Syarat Permohonan

Syarat-syarat permohonan untuk mendapatkan Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing. adalah seperti berikut:

- a. Melengkapkan borang R3/95,
- b. Surat Tawaran Kerja rasmi.
- c. Memenuhi syarat kewangan modal berbayar / terkumpul RM 750,000.00 dan keatas.
- d. Menyertakan borang L1/95

2.2 Syarat Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing

Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing adalah kebenaran untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan bagi projek yang dinyatakan di dalam Perakuan Pendaftaran kontraktor asing sahaja.

Tempoh sah laku Perakuan Pendaftaran kontraktor usahasama/ konsortium adalah seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran kerja yang dikemukakan (dari Tarikh Mula Kerja hingga tarikh luput Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defect Liability Period)).

Jika terdapat sesuatu sebab dimana tarikh penyiapan projek dilanjutkan, pihak kontraktor hendaklah memohon kepada CIDB dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh luput Perakuan Pendaftaran bagi tujuan melanjutkan tempoh sah laku Perakuan tersebut.

2.3 Fee Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing

Fee pendaftaran kontraktor asing adalah seperti di dalam jadual fee pendaftaran kontraktor asing (**rujuk lampiran 7**).

Fee proses dan fee pendaftaran hendaklah dijelaskan semasa permohonan dibuat.

2.4 Masa Prosesan

Jika permohonan lengkap dan teratur, pemohon akan dimaklumkan keputusan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh penyerahan permohonan.

Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

A Kaedah Permohonan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

1.0 Tujuan

Kaedah ini bertujuan memaklumkan kaedah memohon bagi mendapatkan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) melalui pelaksanaan Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK).

2.0 Pendahuluan

SSPK adalah satu kaedah yang mengabungkan prosidur pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

SSPK memperkenalkan tiga (3) jenis sijil seperti berikut

a) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)

Perakuan yang memperakukan bahawa pemegang sijil tersebut telah berdaftar mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, 1994 serta boleh melaksanakan kerja-kerja pembinaan seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 25, akta yang sama.

b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK)

Sijil ini (SPKK) memperakukan bahawa pemegang SPKK telah memnuhi kehendak dan ketetapan Kementerian Kewangan serta layak menyertai mana-mana perolehan kerajaan dalam bidang pembinaan mengikut kelayakan yang ditetapkan.

c) Sijil Taraf Bumiputra (STB)

Sijil ini memperakukan bahawa pemegang STB telah memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagai kontraktor berstatus Syarikat Kontraktor Bumiputra. Pemegang STB layak untuk menyertai mana-mana perolehan kerajaan dalam bidang pembinaan yang dikhususkan untuk bumiputera.

SSPK juga memperkenalkan satu tarikh tamat/luput untuk kesemua sijil-sijil diatas.

3.0 Keperluan Pendaftaran Kontraktor

Keperluan dan syarat-syarat untuk berdaftar sebagai kontraktor pembinaan akan dilaksanakan seperti yang ditetapkan di dalam Buku Keperluan dan Prosidur Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh CIDB.

Kontraktor yang berdaftar dibawah akta 520 serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan layak untuk memohon Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera.

4.0 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Kontraktor yang masih sah Perakuan Pendaftaran dengan CIDB layak untuk memohon SPKK tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4.1 Syarat-Syarat Pengeluaran SPKK

SPKK dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. SPKK adalah hak CIDB. Pihak CIDB boleh membatalkan, menarik balik atau menggantung Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan. Pemegang SPKK hendaklah memulangkan SPKK tersebut apabila diarah untuk berbuat demikian.
- b. Pemegang SPKK adalah bertanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat pendaftaran kontraktor, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya serta undang-undang bertulis yang lain pada sepanjang masa SPKK dipegang.
- c. Pemegang SPKK hendaklah mematuhi dan mengekalkan semua syarat kelulusan SPKK. Sebarang pelanggaran mana-mana syarat tersebut akan mengakibatkan SPKK terbatal dengan sendirinya.
- d. Pemegang SPKK hendaklah mematuhi arahan/pekeliling yang dikeluarkan oleh CIDB dan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa samada dalam bentuk media cetak atau media elektronik. Mana-mana arahan/pekeliling yang diedar melalui pos, hebahan akhbar, laman web, media atau apa-apa kaedah yang difikirkan wajar akan disifatkan telah diterima oleh pihak kontraktor

- e. SPKK adalah kebenaran kepada pemegang sijil untuk menyertai Perolehan Kerajaan. Sijil ini bukan satu kebenaran melaksanakan kerja-kerja pembinaan sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta 520.
- f. Pemegang SPKK hanya dibenarkan untuk menyertai perolehan kerajaan untuk gred, kategori dan pengkhususan yang dinyatakan di dalam PPK sahaja.
- g. SPKK dikeluarkan bersandarkan kepada PPK. SPKK akan terbatal dengan sendirinya sekiranya PPK terbatal. Pemegang SPKK juga hendaklah mematuhi semua ketetapan dan peraturan yang dikenakan ke atas PPK sebagaimana yang dinyatakan di dalam Buku Keperluan dan Prosidur Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh CIDB.
- h. SPKK dikeluarkan kepada pemohon atas dasar 'satu pemegang satu sijil' melainkan pemegang sijil memenuhi syarat penglibatan dalam syarikat lain.
- i. SPKK tidak boleh dipinjamkan, diserahkan hak atau digunakan oleh orang lain bagi tujuan menyertai perolehan kerajaan selain dari pemegang sijil yang didaftarkan.
- j. Sekiranya PPK/SPPK telah tamat tempah sah laku, PPK/SPKK tersebut hendaklah didaftarkan semula dalam tempoh 12 bulan. PPK/SPKK akan terbatal dengan sendirinya apabila PPK/SPKK tidak didaftar semula dalam tempoh tersebut dan sebarang usaha untuk mendapatkan kembali SSPK akan dianggap sebagai permohonan baru.

4.2 Permohonan SPKK

Semua permohonan SPKK hendaklah menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan atau melalui online . Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa.

Borang permohonan boleh diperolehi secara belian terus di mana-mana pejabat CIDB Negeri dan Cawangan yang berdekatan dengan harga RM5.00 senaskah dan tambahan RM1.00 (caj pos sekiranya melalui pos).

Borang permohonan juga boleh diperolehi secara dimuat turun melalui laman web rasmi CIDB (<http://www.cidb.gov.my>).

Permohonan hendaklah memastikan borang permohonan mereka diisi dengan lengkap bersama-sama dengan dokumen sokongan yang telah disahkan serta fee proses sebanyak RM50.00 untuk permohonan baru atau RM30.00 bagi pembaharuan. Borang permohonan yang telah lengkap boleh diserahkan/pos di mana-mana pejabat CIDB Negeri dan Cawangan yang berdekatan.

Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak/tidak diterima. CIDB juga berhak untuk meminta pemohon untuk menyediakan apa-apa maklumat/dokumen tambahan berkaitan dengan permohonan yang dikemukakan.

4.3 Pengesahan Dokumen

Semua dokumen sokongan yang dikemukakan bersama borang permohonan Perakuan Pendaftaran Kontraktor hendaklah disahkan oleh :-

- (i) Agensi pengeluar dokumen berkaitan, atau
- (ii) Orang yang diberi kuasa (Pengarah Syarikat, Pemilik Perniagaan, Setiausaha Syarikat)

Pemohon hendaklah merujuk **senarai semak 1 atau 2 atau 3** yang dikeluarkan oleh CIDB untuk menentukan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan mengikut operasi perniagaan semasa permohonan dibuat.

4.4 Skop Perolehan Kerja Kerajaan

Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) akan didaftarkan mengikut dalam 2 skop Perolehan Kerja Kerajaan iaitu :

- a. Kejuruteraan Awam/Bangunan/Mekanikal; dan
- b. Elektrikal

Had Nilai Perolehan Kerja bagi skop Perolehan Kerja Kerajaan adalah seperti jadual 1.

Jadual 1

**Had Nilai Perolehan Kerja
(Kerja Bangunan/Awam/Mekanikal)**

GRED PENDAFTARAN	HAD NILAI PEROLEHAN KERJA (RM)
G1	200,000.00 dan ke bawah
G2	200,001.00 hingga 500,000.00
G3	500,001.00 hingga 1,000,000.00
G4	1,000,001.00 hingga 3,000,000.00
G5	3,000,001.00 hingga 5,000,000.00
G6	5,000,001.00 hingga 10,000,000.00
G7	Melebihi 10,000,000.00

**Had Nilai Perolehan Kerja
(Kerja Elektrikal)**

GRED PENDAFTARAN	HAD NILAI PEROLEHAN KERJA (RM)
G1	Sehingga 200,000.00
G2	Sehingga 500,000.00
G3	Sehingga 1,000,000.00
G4	200,001.00 hingga 3,000,000.00
G5	200,001.00 hingga 5,000,000.00
G6	200,001.00 hingga 10,000,000.00
G7	200,001.00 dan ke atas

4.5 Kawasan Operasi

1. Kerja Tender
 - a. Diseluruh Negara:
 - i. Gred G7, G6, G5 dan G4
 - ii. Gred G3, yang bertaraf bumiputera
 - b. Di Negeri Berdaftar Sahaja :
 - i. Gred G3
2. Kerja Sebutharga
 - a. Gred G2 (Negeri)
 - b. Gred G1(Taraf Bumiputera) di daerah didaftarkan
3. Kerja Undi dan 'Requisition'

Gred G1 Bumiputera dalam kawasan pentadbiran atau wilayah yang didaftarkan.

Jenis Perolehan	Kawasan Operasi	Gred
Tender	Di seluruh Negara	a. Gred G7, G6, G5 dan G4 b. Gred G3 (Taraf Bumiputera)
	Di Negeri Berdaftar	Gred G3
Sebutharga	Di Daerah didaftarkan	Gred G1
	Di Negeri Berdaftar	Gred G2
Kerja Undi & 'Requisition'	Di Daerah didaftarkan	Gred G1

4.6 Penyertaan Perolehan Kerajaan mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5/2007.

- a) Tender kerja yang dianggarkan bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara.
- b) Tender kerja yang dianggarkan bernilai antara RM30 juta hingga RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:
 - i) Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara ; atau
 - ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan saham individu asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai seratus peratus (100%) oleh warganegara.
- c) Tender kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dipelawa kepada :
 - i) Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
 - ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
 - iii) Syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

4.7 Pendaftaran SPKK

SPKK akan didaftarkan mengikut gred dan kategori Perakuan Pendaftaran Kontraktor. Permohonan gred dan kategori selain dari yang dipohon/diluluskan di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor tidak akan diluluskan. Permohonan untuk perubahan gred dan kategori boleh dirujuk di dalam Buku Keperluan dan Prosidur Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh CIDB.

4.8 Ciri-Ciri SPKK

Perkara berikut akan dinyatakan di dalam SPKK

- (i) Nombor Perakuan Pendaftaran Kontraktor
- (ii) Nama dan alamat syarikat kontraktor
- (iii) Gred dan kategori pendaftaran
- (iv) Kawasan operasi
- (v) Tarikh mula dan tarikh tamat SPKK
- (vi) Nama orang yang bertanggungjawab.

Nota: Pengkhususan untuk menyertai perolehan kerjaan dinyatakan di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor

4.9 Syarat Asas SPKK Untuk Gred, Modal Berbayar @ Terkumpul, Had Kewangan dan Personel Teknikal.

**Gred, Modal Berbayar @ Terkumpul, Had Kewangan dan
Personel Teknikal**

GRED	Modal Berbayar*/ Terkumpul**	Had Kewangan (Kos Kerja) RM	Personel Teknikal #mesti mempunyai kad pendaftaran personel binaan yang masih sah	
G7	750 Ribu	melebihi 10,000,001.00 juta	2 A Satu mesti lebih 5 tahun	Atau 1A + 1B Kedua-kedua mesti Lebih 5 tahun
G6	500 Ribu	5,000,001.00 – 10,000,000.00	1 A + 1 B Satu mesti lebih 3 tahun	
G5	250 Ribu	3,000,001.00 – 5,000,000.00	1 A	Atau 1 B mesti lebih 5 tahun
G4	150 Ribu	1,000,001.00 – 3,000,000.00	1 B	
G3	50 Ribu	500,001.00 – 1,000,000.00	1 C mempunyai Sijil Kursus/Pengalaman	
G2	25 Ribu	200,001.00 – 500,000.00	1 C mempunyai Sijil Kursus/Pengalaman	
G1	10 Ribu	Sehingga 200,000.00	1 C mempunyai Sijil Kursus/Pengalaman	

Nota:

- . Modal Berbayar (bagi syarikat Sdn Bhd atau Syarikat Berhad)
- .. Modal Terkumpul (bagi firma pemilik tunggal / Perkongsian dalam bentuk penyata bank untuk 3 bulan terkini (purata diambilkira dengan mencampurkan nilai tertinggi dalam setiap bulan dan dibahagi kepada 3) baki buku simpanan / kemudahan overdraf / simpanan tetap yang belum dicagar / saham ASB.
- # Kumpulan A -pemegang ijazah dalam bidang yang berkaitan dengan pembinaan.
Kumpulan B -pemegang Diploma dalam bidang yang berkaitan dengan pembinaan.
Kumpulan C -Individu yang pernah mengikut kursus-kursus berkaitan dengan pembinaan dan/atau individu selain daripada yang diatas tetapi terlibat dengan aktiviti-aktiviti teknikal di tapak binaan dengan pengalaman di dalam kerja-kerja pembinaan ataupun pemegang sijil-sijil teknikal berkaitan pembinaan dari ABM, politeknik dan pusat-pusat latihan seumpamanya.

B SYARAT PERMOHONAN BARU SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)

1.0 Syarat Permohonan

Permohonan hanya akan dipertimbangkan sekiranya pemohon memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah dan berstatus aktif; dan
- ii. Memenuhi Jadual 2 Syarat Asas SPKK Untuk Gred, Modal Berbayar atau Modal Berkumpul, Had Kewangan dan Personel Teknikal; dan
- iii. Syarikat kontraktor pembinaan tempatan sahaja.; dan
- iv. Syarat Pemilikan ekuiti asing berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan 5/2007.
 - a) Tender kerja yang dianggarkan bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara.
 - b) Tender kerja yang dianggarkan bernilai antara RM30 juta hingga RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:
 - I. Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara ; atau
 - II. Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan saham individu asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai seratus peratus (100%) oleh warganegara.
 - c) Tender kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dipelawa kepada :
 - I. Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; **atau**
 - II. Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; **atau**

III. Syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

v. Syarat pemilikan ekuiti dan penglibatan dalam syarikat lain yang tidak dibenarkan

- a) Pemegang saham syarikat/individu yang memiliki ekuiti tidak melebihi 5% atau RM 50,000.00 atau mana-mana yang terendah dalam mana-mana syarikat yang telah memiliki SPKK.
- b) Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Pengurusan dan Pegawai Teknikal tidak wujud/didaftarkan dalam mana-mana syarikat yang telah memiliki SPKK

vi. Syarat Pensijilan

- a) Memperolehi sijil penilaian SCORE sekurang-kurangnya 3 bintang bagi kontraktor gred G5, G6 dan G7.
- b) Memperolehi sijil penilaian SCORE sekurang-kurangnya 2 bintang bagi kontraktor gred G2, G3 dan G4.
- c) Memperolehi pensijilan ISO9001:2008 yang masih sah G7.

Nota: Syarat bagi perkara **vi a** hingga **c** ditangguhkan bagi permohonan pembaharuan SPKK

- vii. Bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan.

2.0 Fee proses dan fee pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Setiap permohonan SPKK akan dikenakan bayaran fee proses sebanyak RM50.00 Tiada sebarang bayaran fee pendaftaran akan dikenakan ke atas SPKK.

3.0 Tempoh sah laku Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

SPKK dikeluarkan serta mempunyai tempoh luput yang diselaraskan mengikut tarikh tamat Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

SPKK hendaklah diperbaharui bersama-sama dengan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

4.0 Lain-lain Perkara

Sijil Perolehan Kerja Kerajaan akan terbatal dengan sendiri sekiranya Pemegang SPKK mengemukakan dokumen palsu atau membuat pengakuan palsu dan tindakan dibawah Akta 520 boleh diambil keatas Pemegang SPKK.

Pembatalan tersebut seterusnya akan membatalkan kelayakan pemegang untuk menyertai mana-mana tender perolehan kerajaan.

Pengeluaran Semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) jika **hilang / rosak**. Salinan akuan berkanun atau Laporan Polis mengenai kehilangan/ kerosakan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan bayaran sebanyak RM100.00 hendaklah dikemukakan sebelum Sijil baru dikeluarkan bagi menggantikan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang hilang/rosak.

C SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)

1.0 Permohonan

Permohonan untuk pembaharuan SPKK hendaklah dibuat bersama-sama dengan pembaharuan PPK. Pemohonan dikehendaki untuk merujuk syarat-syarat permohonan pembaharuan PPK seperti yang terkandung di dalam Buku Keperluan dan Prosidur Pendaftaran Kontraktor semasa mengemukakan permohonan pembaharuan SPKK

Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa dengan menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan oleh CIDB. Borang permohonan boleh diperolehi dan dikemukakan dimana-mana kaunter pejabat CIDB Negeri / CIDB Cawangan Negeri.

2.0 Pengiktirafan Taraf Bumiputera sebelum pengeluaran SPKK

Hendaklah memperbaharui PPK terlebih dahulu sehingga sijil dikeluarkan. Permohonan pembaharuan SPKK bagi Gred G1 akan diproses jika sijil taraf bumiputera telah diperolehi dari PPK.

3.0 Modal Berbayar/terkumpul

Sama seperti dalam permohonan baru

4.0 Penglibatan yang tidak dibenarkan dalam Syarikat-syarikat lain yang telah mempunyai SPKK

- i) Ekuiti saham melebihi 5% atau RM50,000.00 (yang mana terkurang)
- ii) Ahli lembaga pengarah,
- iii) Ahli pengurusan dan kakitangan
- iv) PPU/WPPU, pegawai teknikal dan personel binaan.

Nota : **Pengecualian** untuk konsortium, Koperasi, GLC (Ahli Lembaga)

5.0 Perubahan Ekuiti Yang Tidak Dibenarkan

- i. Berlaku perubahan ekuiti (samada melalui pindahmilik atau tambah saham) yang mana jumlah saham yang dimiliki oleh **pemegang saham baru** adalah melebihi 49% daripada modal berbayar / terkumpul syarikat, ATAU
- ii. Pemilik saham yang baru (**samada orang perseorangan atau syarikat**) telah menjadi pemegang saham individu terbesar didalam syarikat mengatasi pemegang saham utama (major shareholder) sedia ada yang sah semasa pendaftaran syarikat diluluskan oleh CIDB.

***Nota. SPKK akan terbatal dan STB juga terbatal jika ada.**

6.0 Penglibatan Ekuiti Asing (SPP. 5/2007)

Sama seperti dalam permohonan baru SPKK

7.0 Penilaian Semula Gred Pendaftaran Semasa Pembaharuan

CIDB berhak membuat penilaian semula Gred pendaftaran kontraktor semasa pembaharuan kecuali Gred G1. Gred baru yang ditawarkan berdasarkan Undang-Undang dan penilaian berdasarkan maklumat yang dikemukakan bersama-sama borang permohonan. Gred baru yang ditawarkan tidak menjejaskan SPKK (tidak terbatal)

8.0 Penguatkuasaan/tindakan tatatertib

Tidak disabitkan (bebas) dari tindakan mahkamah/tatatertib di bawah SPKK/PPK semasa permohonan.

9.0 Bayaran pembaharuan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Setiap permohonan pembaharuan SPKK akan dikenakan bayaran fee proses sebanyak RM30.00/RM50.00 berpandukan kepada fee pembaharuan PPK. Tiada sebarang bayaran fee pendaftaran akan dikenakan ke atas SPKK.

10.0 Tempoh Sahlaku Sijil Perolehan Kerja Kerajaan

Tempoh sahlaku Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) semasa pembaharuan adalah sama dengan tempoh sahlaku Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) (1 hingga 3 tahun).

D. PERMOHONAN KENAIKAN GRED SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)

1.0 Permohonan

Permohonan untuk kenaikan gred SPKK hendaklah dibuat bersama-sama dengan kenaikan PPK. Pemohonan dikehendaki untuk merujuk syarat-syarat permohonan kenaikan gred PPK seperti yang terkandung di dalam Buku Keperluan dan Prosidur Pendaftaran Kontraktor semasa mengemukakan permohonan kenaikan gred SPKK

Penyerahan permohonan/dokumen sokongan boleh dibuat oleh PPU atau WPPU yang dilantik atau orang yang diberikuasa dengan menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan oleh CIDB. Borang permohonan boleh diperolehi dan dikemukakan dimana-mana kaunter pejabat CIDB Negeri.

2.0 Syarat-Syarat Permohonan Kenaikkan Gred SPKK

2.1 Permohonan

Permohonan untuk kenaikan gred sediaada kepada gred yang lebih tinggi hendaklah menggunakan borang yang telah ditetapkan.

2.2 Butir-Butir Permohonan

Pemohon hendaklah menyatakan gred yang dipohon di dalam borang permohonan.

2.3 Syarat-Syarat Permohonan Kenaikkan Gred

- (i) Permohonan dibuat bersama PPK
- ii) Melengkapkan Borang CIDB SSPK (1RoC)/2012
- (ii) Fee proses sebanyak RM30.00
- (iii) Memenuhi keperluan kewangan untuk gred yang dipohon (**rujuk Lampiran 3**) dalam buku keperluan dan prosidur pendaftaran.
- iv) Memenuhi keperluan dan kriteria personel teknikal bagi gred yang dipohon (**rujuk lampiran 3**).
- v) Syarat Pemilikan ekuiti asing mengikut Pekeliling Perbendaharaan bil. 5/2007.
- vi) Syarat Penglibatkan dalam syarikat lain.

vii) Syarat Perubahan Ekuiti yang akan menyebabkan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) terbatal :-

iii. Berlaku perubahan ekuiti (samaada melalui pindahmilik atau tambah saham) yang mana jumlah saham yang dimiliki oleh **pemegang saham baru** adalah melebihi 49% daripada modal berbayar / terkumpul syarikat, ATAU

iv. Pemilik saham yang baru (**samada orang perseorangan atau syarikat**) telah menjadi pemegang saham individu terbesar didalam syarikat mengatasi pemegang saham utama (major shareholder) sedia ada yang sah semasa pendaftaran syarikat diluluskan oleh CIDB.

Nota: Pemilik saham baru (individu atau syarikat) tidak dibenarkan memiliki jumlah saham terbesar (pemegang saham utama) untuk tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan perubahan saham diluluskan. Jika tidak dipatuhi permohonan akan gagal.

Pengecualian diberi kepada;

- Syarikat yang disenarai dalam BSKL
- Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)

viii) Bebas daripada tindakan tatatertib

2.4 Dokumen-dokumen Sokongan

Dokumen-dokumen yang perlu disertakan **rujuk senarai semak 1 atau 2 atau 3.**

2.5 Perakuan Pendaftaran

- a) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang baru akan dikeluarkan setelah fee kenaikan gred Perakuan Pendaftaran Kontraktor dijelaskan.
- b) Tempoh sah laku Sijil Perolehan Kerja Kerajaan adalah seperti tempoh sediaada di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (untuk permohonan kenaikan gred sahaja).

3.0 Bayaran Kenaikan Gred Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Setiap permohonan SPKK akan dikenakan bayaran fee proses sebanyak RM30.00 Tiada sebarang bayaran fee pendaftaran akan dikenakan ke atas SPKK.

4.0 Permohonan Turun Gred SPKK Tidak Dibenarkan

Kontraktor yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) **Permohonan Turun Gred tidak dibenarkan**, Jika ianya berlaku pendaftaran SPKK akan terbatal secara automatik termasuk sijil Taraf Bumiputera juga akan terbatal selamanya jika ada. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan baru hanya boleh dipohon jika telah memenuhi **syarat permohonan baru** iaitu SCORE dan (ISO 9001:2008 untuk G7 sahaja).

E KEBENARAN KHAS MEMASUKI TENDER DI LUAR PENGKHUSUSAN/ MELEBIHI GRED DAN KEBENARAN KHAS MENJALANKAN KERJA MELEBIHI GRED SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)

- 1.0 Permohonan perlu mengemukakan permohonan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor mengenai apa-apa Kebenaran Khas.

F PERUBAHAN BUTIR-BUTIR MAKLUMAT

- 1.0 Pemohon perlu mengemukakan bersama-sama dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor mengenai apa-apa perubahan maklumat syarikat. (Sila rujuk perubahan maklumat dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor).
- 2.0 Fee proses dan fee pengeluaran semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Mengisi borang yang berkaitan dan fee proses adalah sebanyak RM30.00, tiada fee pengeluaran semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

IBU PEJABAT CIDB

Level 10, Menara Dato' Onn, Putra World Centre (PWTC) No. 45 jalan Tun Ismail 50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-4047 7000 Faks: 03-4047 7070

CIDB Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

Tingkat Bawah,
Blok E, Lot 8,
Jalan Chan Sow Lin,
55200 Kuala Lumpur
Tel : 03-9281 6070
Faks : 03-9281 6079

CIDB Kedah

Lot 7 & 8, Kompleks
Perniagaan Asas Jaya,
Jalan Stadium,
05000 Alor Setar,
Kedah.
Tel : 04-733 1243
Faks : 04-733 1175

CIDB Perlis

No. 10,
Jalan Kangar-Alor Star,
Seriab, 01000 Kangar,
Perlis.
Tel : 04-9781 243
Faks : 04-9781 244

CIDB Perak

Lot 5.02, Tingkat 5, Bangunan
KWSP, Jalan Greentown,
30450 Ipoh, Perak
Perak.
Tel : 05-2423 488
Faks : 05-2555 488

CIDB Wilayah Sabah

Blok A, Tingkat 4
Bangunan KWSP
88100, Kota Kinabalu,
Sabah
Tel : 088-235 060
Faks : 088-242 481

CIDB Pahang

A1, Ground 1st, 2nd & 3rd Floor,
Jalan Seri Kuantan 2,
Sri Kuantan Square,
25050 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-517 8734/8953
Fax : 09-517 8751

CIDB Melaka / N. Sembilan.

No. 31-1, Jalan TU 49A
Kompleks Kommersial Boulevard,
Taman Tasik Utama,
75450 Ayer Keroh
Melaka
Tel : 06-232 8885
Faks : 06-232 8950

CIDB Pulau Pinang

Lot 9.01, Tingkat 9,
Bangunan KWSP, No.3009
Off Lebuh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Seberang Jaya,
Pulau Pinang.
Tel : 04-390 2448
Faks : 04-390 7448

CIDB Tawau (Cawangan)

Tingkat 1, Blok 35,
Wisma Gek Poh, Batu 1
Jalan Dunlop/Kuhara,
Beg Berkunci No. 7,
91009 Tawau,
Sabah
Tel : 089-777 841/842
Faks : 089-777 840

CIDB Terengganu

Tingkat 7, Menara Yayasan Islam
Terengganu,
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel : 09-624 5311
Faks : 09-623 8973

CIDB Sarawak

Tingkat 1, Blok A
Kompleks CIDB,
Jalan Sultan Tengah,
93050 Kuching ,
Sarawak.
Tel : 082-445 883/446 833
Faks : 082-447 833

CIDB Johor

Lot 2067, Batu 3,
Jalan Tampoi,
81200 Johor Bahru,
Johor.
Tel : 07-234 4808
Faks : 07-234 4807

CIDB Miri (Cawangan)

Lot 1140, Block 9
Miri Concession Lad District
Miri Water Front
98000 Miri,
Sarawak.
Tel : 085-417 431
Fax : 085-417 432


CIDB Kelantan

No. U7.2, Tingkat 7,
Menara Perbadanan,
Jalan Tengku Petra, Semerak,
Wisma Perbadanan Kemajuan
15000 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel : 09-743 5311
Faks : 09-744 4311

CIDB Selangor

Lot 4, Tingkat 5
Pertanian Selangor (PKPS)
Persiaran Perbandaran Seksyen
14,
40675 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03 5512 8600
Faks : 03 5512 862

RINGKASAN GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN



SENARAI PENGKHUSUSAN DALAM PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Lampiran 2b

KATEGORI B PEMBINAAN BANGUNAN		KATEGORI CE PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM		KATEGORI ME MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL			
Peng khususan	Deskripsi	Peng khususan	Deskripsi	Peng khususan	Deskripsi	Peng khususan	Deskripsi
B01	IBS: Sistem konkrit pasang siap	CE01	Pembinaan jalan dan pavemen	M01	Sistem hawa dingin	E01	Sistem bunyi
B02	IBS: Sistem Kerangka keluli	CE02	Pembinaan Jambatan	M02	Sistem pencegahan dan perlindungan kebakaran	E02	Sistem pengawasan dan keselamatan
B03	Pemulihan dan pemuliharaan	CE03	Struktur merin	M03	Lift dan eskalator	E03	Sistem automasi bangunan
B04	Kerja am bangunan	CE04	Empangan	M04	Sistem automasi bangunan	E04	Pemasangan voltan rendah (Kerja Pendawaian)
B05	Kerja cerucuk	CE05	Terowong dan sokong bawah	M05	Sistem untuk bengkel, kilang kuari dan sebagainya	E05	Pemasangan voltan tinggi
B06	Kerja pembaikan konkrit	CE06	Sistem kawalan banjir	M06	Peralatan perubatan	E06	Sistem pencahayaan khas
B07	Hiasan dalaman	CE07	Trek keretapi	M07	Peralatan dapur	E07	Sistem telekomunikasi dalaman
B08	Pemasangan bahan kalis air	CE08	Sistem perlindungan cerun	M08	Sistem pemulihan haba	E08	Sistem telekomunikasi luaran
B09	Lanskap	CE09	Saluran paip minyak atau gas	M09	Pemampatan dan penjanaan berasaskan mekanikal	E09	Pelbagai peralatan khas
B10	Pemasangan paip air dalaman	CE10	Kerja cerucuk	M10	Pendingin untuk kuasa penjanaan	E10	Penel kawalan khusus
B11	Pemasangan tanda	CE11	Kerja Pembaikan konkrit	M11	Pembinaan dan rawatan khusus	E11	Kerja am elektrik
B12	Kerja aluminium / keluli dan kaca	CE12	Kerja penyiasatan tanah	M12	Loji khusus	E12	Papan tanda elektrik
B13	Pemasangan jubin dan kerja lepaan	CE13	Pemasangan tanda	M13	Pengendalian gerudian	E13	Sistem telekomunikasi keretapi
B14	Kerja cat	CE14	Landskap	M14	Sistem kawalan pencemaran	E14	Kabel rangkaian komputer
B15	Pemasangan bumbung dan clading logam	CE15	Kerja-kerja luar pesisir	M15	Kelengkapan mekanikal pelbagai		
B16	Pembinaan dan pemasangan kelengkapan kolam renang	CE16	Kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan bawah air	M16	Kren menara		
B17	Kerja prestressing dan post tensioning	CE17	Lapangan terbang	M17	Peralatan dobi		
B18	Kerja logam	CE18	Kerja tebus guna	M18	Sistem air panas		
B19	IBS: sistem formwork	CE19	Sistem pebentungan	M19	Pemasangan kelengkapan loji		
B20	Pemasangan paip gas dalam bangunan	CE20	Sistem bekalan air	M20	Penyenggaraan am mekanikal		

KATEGORI B PEMBINAAN BANGUNAN		KATEGORI CE PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM		KATEGORI ME MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL			
Peng khususan	Deskripsi	Peng khususan	Deskripsi	Peng khususan	Deskripsi	Peng khususan	Deskripsi
B21	Pemasangan perancah	CE21	Kerja-kerja am kejuruteraan awam	M21	Kimpalan landasan keretapi		
B22	IBS: Sistem blok	CE22	Trek padang permainan sintetik				
B23	IBS: Sistem kerangka kayu	CE23	Kerja prestressing dan post tensioning				
B24	Kerja penyenggaraan bangunan	CE24	Struktur kejuruteraan awam				
B25	Penyambungan paip persendirian ke pembedong	CE25	Kerja meletup batu				
B26	Kerja meroboh	CE26	Struktur berukir				
B27	Perkhidmatan penyenggaraan sistem bekalan air atau sistem pembentungan	CE27	Kerja penebatan haba/refractory				
B28	Kerja ubahsuai	CE28	Sistem acuan khusus				
		CE29	Pemasangan perancah				
		CE30	Kerja pensatabilan tanah, penyaliran bawah tanah				
		CE31	Kerjakejuruteraan awam telekomunikasi				
		CE32	Kerja penyelenggaraan kejuruteraan awam				
		CE33	Penggerudian untuk air bawah tanah				
		CE34	Kerja pemasangan konkrit pra tuang				
		CE35	Ujian konkrit				
		CE36	Kerja tanah				
		CE37	Kerja serombong stesen kuasa				
		CE38	Penyenggaraan sistem pembentongan				
		CE39	Penyelenggaraan sistem bekalan air atau sistem pembentungan.				
		CE40	Pengorekan				
		CE41	Kerja membina kolam air untuk ternakan				
		CE42	Membuat isyarat dan mengecat jalan				
		CE43	Membuat pengadang dan lain-lain kerja untuk jalan				

KATEGORI PENGKHUSUSAN PENDAFTARAN

KATEGORI	PENGKHUSUSAN	DISKRIPSI	KEPERLUAN
PEMBINAAN BANGUNAN (B)	B01 IBS: Sistem konkrit pasang siap	Pembinaan bangunan dan loji yang menggunakan komponen konkrit pasang siap seperti tiang, rasuk, lantai papak, dinding pratuang, panel ringan dan komponen 3D (balconi, tangga, 'toilets pod' dan 'lift chambers')	Bukti Kerja / Sijil Kecekapan Pengurusan
	B02 IBS: Sistem kerangka keluli	Pembinaan Bangunan dan loji yang menggunakan struktur keluli samada 'hot-rolled' atau 'cold-rolled' seperti rasuk keluli, tiang keluli, kekuda bumbung keluli dan 'portal frame'.	Bukti Kerja / Sijil Kecekapan Pengurusan
	B03 Pemulihan dan pemuliharaan	Kerja-kerja Pemulihan dan pemuliharaan bangunan	Bukti Kerja
	B04 Kerja-kerja am bangunan	Kerja-kerja pembinaan am bangunan, kerja-kerja bangunan, bangunan rangka konkrit bertetulang.	Pengalaman / Personel Teknikal / Sijil Kecekapan Pengurusan
